

ANALISIS LITERATUR TERHADAP CABARAN PENGURUSAN INSTITUSI TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA

LITERATURE ANALYSIS ON THE MANAGEMENT CHALLENGES OF PRIVATE TAHFIZ INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Azizi Amerul Shafiq Anuar ^{1*}

Ahmad Rozaini Ali Hasan ²

Ahmad Firdaus Mohd Noor ³

Amirah Mursyidah Zainalabidin ⁴

^{1*} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: azizianuar23@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my)

⁴ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, 33000 Perak, Malaysia. (E-mail: amirahmursyidah@usas.edu.my)

* corresponding author

Article history

Received date : 2-6-2026

Revised date : 3-6-2026

Accepted date : 30-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Anuar, A. A. S., Ali Hasan, A. R., Mohd Noor, A. F., & Zainalabidin, A. M. (2026). Analisis literatur terhadap cabaran pengurusan institusi tahfiz swasta di Malaysia, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 879 – 887.

Abstrak: Artikel ini membincangkan kepelbagaian pengurusan institusi tahfiz swasta di Malaysia dengan gambaran bahawa institusi ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam aspek penubuhan dan pengurusan. Pengusaha tahfiz swasta berdepan dengan cabaran pengurusan yang mempengaruhi kualiti mahupun kelestarian pendidikan huffaz menjadi lebih baik atau sebaliknya. Kajian ini bertujuan menganalisis cabaran berkaitan pengurusan dari aspek infrastruktur, kualiti guru, kurikulum dan sumber kewangan institusi tahfiz swasta dari beberapa kajian terdahulu. Pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen digunapakai bagi memahami cabaran yang dihadapi. Dapatan kajian menunjukkan wujud kelemahan pengurusan daripada aspek infrastruktur, kelompongan kualiti guru, ketidakselarasan kurikulum dan keterbatasan kewangan menjadi indikator utama yang jejakkan kualiti institusi tahfiz swasta. Kajian memperlihatkan keperluan intervensi yang jitu serta konsisten bagi memastikan keseimbangan institusi tahfiz swasta berada selari dengan arus pendidikan semasa.

Kata kunci: : institusi swasta, tahfiz swasta, kualiti huffaz, cabaran pengurusan, pentadbiran.

Abstract: This article discusses the diversity of management practices among private tahfiz institutions in Malaysia, highlighting that these institutions face various challenges in terms of their establishment and management. Operators of these institutions face various management issues that influence both the quality and sustainability of huffaz education, whether positively or negatively. The study aims to identify management-related challenges in terms of

infrastructure, teacher quality, curriculum, and financial resources within private tahfiz institutions. A qualitative approach, using library research and document analysis, was employed to gain a deeper understanding of these challenges. The findings indicate that weaknesses in management; particularly inadequate infrastructure, gaps in teacher quality, inconsistencies in the curriculum, and financial constraints, are key factors affecting the overall quality of private tahfiz institutions. The study underscores the need for precise and consistent interventions to ensure that these institutions remain balanced and aligned with current educational developments.

Keywords: *private institutions, private tahfiz institutions, quality of huffaz, management challenges, administration.*

Pengenalan

Pendidikan tahfiz di Malaysia mengalami transformasi yang signifikan. Peringkat awal pendidikan tahfiz di negara ini ditawarkan melalui institusi pendidikan pondok atau sekolah agama rakyat secara persendirian (Fathiyah, 2019). Keberhasilan tadbir urus institusi tahfiz swasta merupakan satu keperluan alam realiti pendidikan semasa bagi merealisasikan ke arah transformasi pendidikan (Ahmad Muaz & Norazmi, 2020).

Pembelajaran tahfiz di Malaysia merupakan suatu bentuk pendidikan yang menumpukan kepada penghafalan al-Qur'an dan penguasaan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya (Nor Azam et al., 2021). Pendidikan tahfiz merujuk kepada sistem pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan huffaz. Dalam konteks ini, salah satu laluan utamanya ialah membimbing pelajar menghafaz dan memperdengarkan bacaan al-Qur'an, manakala institusi ini merangkumi semua jenis institusi penghafazan al-Quran yang dikenali sebagai institusi tahfiz, pondok dan maahad (Arita Hanim et al., 2019).

Pengajian tahfiz al-Qur'an di Malaysia mula diperkenalkan oleh kerajaan seawal tahun 1966 di Masjid Negara, susulan penubuhan Maahad Tahfiz al-Qur'an wal-Qiraat sebagai salah satu unit di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, dengan matlamat memperkukuh penguasaan al-Qur'an secara sistematik (2021). Pada sekitar tahun 1966 hingga 1992, proses penstrukturan sekolah tahfiz masih berlangsung dengan pengajian Tahfiz al-Qur'an diletakkan di bawah bidang kuasa pelbagai entiti pentadbiran termasuk Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara, Pusat Penyelidikan Islam, Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Cawangan Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, dan akhirnya diselaraskan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Muhammad Zulazizi et al., 2021). Menurut Nordin Ahmad (2015), hasil permintaan tinggi daripada masyarakat, institusi ini berkembang dan dinaiktaraf menjadi Darul Quran pada tahun 1998 dengan pengajian hafazan al-Qur'an dijadikan teras utama serta diperkukuhkan dengan ilmu-ilmu Islam lain seperti qiraat, dakwah, syariah, hadis, muamalat dan pengurusan halal. Pada peringkat awal, Sijil Pengajian Tahfiz wal-Qiraat bertaraf diploma ditawarkan sebelum dinaiktaraf menjadi Diploma Pengajian Tahfiz wal-Qiraat sejajar dengan perkembangan pendidikan tinggi negara dan antarabangsa (Muhammad Ikram & Noornajihan, 2024).

Walau bagaimanapun, kemenjadian penubuhan institusi tahfiz di peringkat swasta masih samar dengan kaedah penubuhan tersendiri oleh pengusaha tahfiz swasta tersebut. Masih terdapat institusi tahfiz swasta yang tidak mematuhi garis panduan keselamatan premis serta tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (Maziahtusima, 2019). Kelemahan dalam

pengurusan strategi oleh pengusaha institusi tahfiz swasta masih menjadi keutamaan (Ahmad Muaz & Norazmi, 2020). Oleh yang demikian, satu kajian bagi melihat cabaran utama yang mempengaruhi penubuhan institusi tahfiz swasta perlu dijalankan.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian terdahulu yang bertajuk Isu dan Cabaran Pendidikan Pondok dari Lensa Pegawai Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. Beberapa penyelidik telah membincangkan isu ini dari pelbagai sudut, terutamanya melibatkan aspek keselarasan kurikulum dan pengajian. Cabaran yang dihadapi oleh institusi tahfiz swasta tertumpu kepada tiga aspek utama, iaitu pengurusan sumber manusia, pengurusan sumber kewangan dan pengurusan fasiliti yang menjadi faktor penting dalam memastikan kelangsungan serta keberkesanan pengurusan institusi (Muhammad Afif et al., 2024). Hal demikian merupakan elemen penting dalam kajian berkaitan institusi pengajian.

Dari aspek pengurusan kewangan institusi tahfiz, kajian terhadap Pandangan terhadap Amalan Pengurusan Kewangan Institusi Tahfiz (TI): Perspektif Negeri Selangor menunjukkan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh institusi tahfiz ialah kekurangan kakitangan sokongan yang berkemahiran dalam pengurusan dan penyediaan laporan kewangan (Rohayu et al., 2024). Kejayaan sesebuah sekolah atau institusi pendidikan tertumpu kepada keberkesanan pengurusan dan pentadbiran, serta nilai, iklim, semangat dan budaya kerja yang diamalkan oleh seluruh warga sekolah, termasuk murid, guru, staf sokongan dan pihak pentadbir (Chau & Norfariza, 2023). Keadaan ini menggambarkan bahawa cabaran institusi Pendidikan tahfiz khususnya masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam.

Berikutnya adalah isu pendaftaran yang tidak menyeluruh, hal ini membelenggu sektor pendidikan tahfiz swasta di Malaysia. Kegagalan proses pendaftaran dan pengiktirafan yang sah boleh menjejaskan aspek tadbir urus, pemantauan serta keberkesanan pengurusan institusi. Keadaan ini menjadi semakin kompleks apabila kurikulum yang ditawarkan tidak diselaraskan dengan keperluan sistem pendidikan semasa, sekali gus mengehadkan peluang pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan diiktiraf secara formal (Nor Tasik et al., 2024). Kajian turut disokong oleh Zainora Daud dan Muhammad Arif Musa (2021) yang bertajuk Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa. Dapatan kajian menunjukkan pelajar tahfiz separuh masa berdepan cabaran yang melibatkan komitmen, kualiti hafazan, persekitaran, kesihatan dan masa. Komitmen kerja, keluarga serta tugas peribadi menyebabkan ketidakhadiran dan kelewatan ke kelas. Kualiti hafazan dipengaruhi oleh pematuan jadual dan faktor usia, di mana pelajar kanak-kanak lebih cemerlang berbanding dewasa yang memerlukan pengulangan lebih kerap. Persekitaran seperti pengaruh rakan dan gangguan media di rumah turut menjejaskan fokus, manakala faktor kesihatan dan tanggungjawab menjaga keluarga menyebabkan sebahagian pelajar menangguhkan pengajian. Secara keseluruhan, kekangan masa menjadi cabaran paling dominan kerana menyukarkan proses semakan hafazan secara menyeluruh. Justeru, dapatan ini menunjukkan keperluan pengurusan yang lebih fleksibel dan sokongan berterusan bagi memastikan kelangsungan pengajian tahfiz separuh masa dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sintesis Jurang Dapatan Kajian

Berdasarkan sorotan literatur dan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa:

1. Kajian terdahulu membincangkan cabaran institusi pengajian pondok secara umum seperti kurikulum, infrastruktur dan kewangan, namun dapatan kajian ini menunjukkan isu tersebut masih berterusan dan lebih ketara dalam institusi tahfiz swasta.

2. Kajian-kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada cabaran pengurusan institusi tahfiz yang berkaitan dengan kekurangan kakitangan sokongan serta pengurusan kewangan. Namun demikian, aspek ketidakseragaman penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran serta perbezaan pengalaman guru yang berpotensi mempengaruhi kualiti hafazan pelajar masih memerlukan perhatian.
3. Sorotan kajian terdahulu lebih berfokus kepada konteks tertentu secara terpisah. Oleh itu, kajian ini menggabungkan dan menganalisis dapatan terdahulu secara sistematik bagi memberikan gambaran holistik tentang cabaran pengurusan institusi tahfiz swasta di Malaysia.

Objektif Kajian

Menganalisis cabaran utama yang mempengaruhi penubuhan awal institusi tahfiz swasta di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kerangka utama dalam meneroka isu yang dikaji. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberi ruang kepada penyelidik untuk memahami fenomena secara mendalam dan kontekstual, khususnya berkaitan cabaran dalam penubuhan institusi tahfiz swasta. Menurut Patton (1990), data kualitatif lazimnya diperoleh melalui tiga sumber utama, iaitu hasil pemerhatian, interaksi atau perbualan, serta bahan bertulis seperti dokumen dan rekod. Pandangan ini turut dihuraikan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2012) yang menegaskan kepelbagaian sumber data sebagai kekuatan dalam menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh dan bermakna.

Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada kaedah analisis dokumen sebagai sumber utama pengumpulan data. Pelbagai bahan bertulis seperti jurnal akademik, laporan rasmi, garis panduan, serta dokumen berkaitan bagi mengenalpasti dan memahami cabaran-cabaran utama yang dihadapi dalam penubuhan institusi tahfiz swasta. Merriam (1998) memberi justifikasi penyelidikan kualitatif kepada dua isi penting iaitu; memberi fokus serta memahami sesuatu fenomena dan memberikan menyelidik, memerhati sesuatu permasalahan atau isu yang berlaku pada persekitaran sebenar (Ghazali & Sufean, 2021). Pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan secara sistematik dan berasaskan bukti, di samping memastikan dapatan kajian adalah relevan, sahih dan mempunyai nilai akademik yang tinggi.

Dapatan Dan Perbincangan

Institusi pengajian tahfiz penting dalam memelihara dan mengembangkan pendidikan tahfiz di Malaysia. Namun, arus permodenan menimbulkan cabaran signifikan terhadap penubuhan institusi tahfiz swasta. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran penubuhan institusi tahfiz swasta dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Secara keseluruhannya, faktor-faktor tersebut dapat dirumuskan kepada empat aspek utama, iaitu:

Cabaran Pengurusan Infrastruktur

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek infrastruktur merupakan antara cabaran signifikan yang dihadapi dalam penubuhan dan pengurusan institusi tahfiz swasta. Cabaran ini melibatkan penyediaan kemudahan fizikal yang mencukupi seperti bangunan pembelajaran, asrama, ruang rekreasi serta kemudahan sokongan yang dapat memenuhi keperluan pelajar dan tenaga pengajar. Situasi infrastruktur pengurusan tahfiz digambarkan tidak seragam berikutan perbezaan latar belakang penubuhan dan terdapat kelemahan khususnya institusi tahfiz swasta (Ahmad Muaz & Norazmi, 2020). Keterbatasan infrastruktur sering dikaitkan dengan kekangan

kewangan yang dihadapi oleh institusi. Isu infrastruktur tidak seharusnya ditafsirkan sebagai kekurangan kemudahan fizikal semata-mata, sebaliknya perlu dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan sistem pendidikan tahfiz secara keseluruhan.

Sebahagian institusi kurang memberi penekanan kepada program pembangunan kemahiran tambahan disebabkan oleh keterbatasan kemudahan dan keutamaan yang diberikan kepada pengukuhan hafazan al-Quran (Maziahtusima, 2019). Keadaan ini menunjukkan bahawa kekangan infrastruktur boleh membataskan usaha untuk merealisasikan pendidikan tahfiz yang lebih holistik dan seimbang. Perbincangan ini diperkukuhkan oleh kajian Nurul Huda dan Noor Syahidah (2023) yang mendapati bahawa tahap penyediaan kemudahan fizikal dalam institusi tahfiz adalah tidak seragam, bergantung kepada keupayaan kewangan dan corak pengurusan sesebuah institusi. Perbezaan tersebut mewujudkan jurang dari segi kualiti persekitaran pembelajaran dan kemudahan yang disediakan kepada pelajar. Selaras dengan itu, Rohayu et al. (2025) menegaskan bahawa kemudahan dan infrastruktur dikenal pasti sebagai komponen utama dalam menilai kelestarian persekitaran sesebuah institusi.

Sementara itu, kelestarian ekonomi merujuk kepada keupayaan institusi menjana dan mengurus sumber kewangan secara berkesan bagi memastikan kesinambungan operasinya. Justeru, keupayaan menyediakan infrastruktur yang kondusif merupakan prasyarat penting dalam memastikan keberkesanan pendidikan, kesejahteraan pelajar dan kelangsungan institusi dalam jangka panjang. Oleh itu, usaha memperkukuh sumber kewangan, memperluas jaringan kerjasama strategik dan merancang pembangunan kemudahan secara sistematik perlu diberi penekanan bagi memastikan institusi tahfiz swasta mampu memenuhi keperluan pendidikan semasa dan kekal relevan pada masa hadapan.

Cabaran Pengurusan Kualiti Guru Tahfiz

Prestasi pelajar di institusi tahfiz amat dipengaruhi oleh kepakaran dan profesionalisme guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kelemahan dalam penggunaan strategi pedagogi yang sistematik, kaedah pengajaran yang bersesuaian serta perbezaan pengalaman mengajar boleh menyebabkan ketidakseragaman dalam penyampaian ilmu dan pencapaian hafazan pelajar. Siti Khadizah dan Ahmad (2021) menegaskan bahawa kekurangan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru berpotensi menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, cabaran berkaitan kualiti guru tahfiz pada masa kini tidak lagi terbatas kepada aspek pengalaman mengajar semata-mata. Sebaliknya, guru dituntut menguasai pelbagai kompetensi profesional merangkumi penguasaan kurikulum, kemahiran komunikasi, penggunaan teknologi pendidikan serta keupayaan mengadaptasi pendekatan pengajaran yang selari dengan keperluan pendidikan semasa.

Kajian menunjukkan dalam konteks pendidikan tahfiz, kompetensi guru memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan modal insan serta melahirkan pelajar yang kompeten dan berdaya saing. Kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah juga didapati berkait rapat dengan tahap kompetensi guru (Mohd Fikri et al., 2024). Selaras dengan itu, Mohd Fikri Ismail et al. (2024) melaporkan bahawa penguasaan kurikulum mempunyai hubungan yang sangat kuat dan signifikan dengan kompetensi guru ($r = .874$, $p < .001$). Keadaan ini menggambarkan bahawa kompetensi guru bukan sahaja dipengaruhi oleh pengalaman mengajar, malah turut bergantung kepada tahap penguasaan kurikulum yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara lebih sistematik dan berkesan (Mohd Fikri et al., 2024).

Menurut Azmil Hashim (2018) guru-guru tahfiz bersetuju bahawa teknologi dapat meningkatkan mutu hafazan al-Quran, namun guru-guru tahfiz didapati kurang menggunakan bahan bantu mengajar berteknologi tinggi (Farah Ilyani et al., 2018). Justeru, isu kualiti guru perlu dilihat sebagai cabaran strategik yang memberi kesan langsung terhadap kecemerlangan institusi tahfiz. Keupayaan guru mengintegrasikan penguasaan hafazan al-Quran dengan kemahiran pedagogi, teknologi dan inovasi pengajaran bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi pelajar, malah mampu memperkukuh daya saing institusi tahfiz dalam menghadapi tuntutan pendidikan abad ke-21. Sebaliknya, kegagalan institusi menyediakan latihan profesional dan pembangunan kompetensi yang berterusan boleh mewujudkan jurang kualiti pengajaran antara institusi, sekali gus menjejaskan pencapaian pelajar serta kualiti pendidikan tahfiz secara keseluruhannya.

Cabaran Pengurusan Kurikulum Tahfiz

Pengajaran subjek hafazan dan pelaksanaan konsep kesepaduan kurikulum dalam institusi tahfiz masih berhadapan dengan pelbagai kekangan, khususnya disebabkan ketiadaan model pengajaran yang standard serta kekurangan guru yang berkemahiran dan berwibawa dalam bidang berkaitan (Mohd Taufik & Harun, 2021). Keadaan ini telah mewujudkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan kurikulum antara institusi tahfiz, khususnya dari aspek pendekatan pengajaran, struktur kandungan serta kaedah pentaksiran. Kepelbagaian model kurikulum tahfiz di Malaysia seperti tahfiz sepenuh masa, tahfiz integrasi, pondok dan tahfiz kemahiran turut menyumbang kepada variasi yang ketara dalam pelaksanaan sistem pendidikan tahfiz. Pelaksana kurikulum tahfiz perlu menilai secara berterusan keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan serta melaksanakan penambahbaikan yang sistematik bagi memastikan ia kekal relevan dan seiring dengan perkembangan pendidikan semasa (Fatin Husna & Noornajihan, 2023).

Cabaran dalam pelaksanaan kurikulum di institusi tahfiz swasta termasuk ketiadaan garis panduan yang standard, kekangan sumber manusia serta keterbatasan bahan pengajaran dan masa pelaksanaan kurikulum akademik. Cabaran ini memberi kesan terhadap keberkesanan pelaksanaan kurikulum secara menyeluruh serta keseimbangan pembangunan potensi pelajar. Justeru, penyeragaman kurikulum diperlukan bagi memastikan pelaksanaan pendidikan tahfiz lebih sistematik dan berkesan (Wan Zuriaty & Nur Azuki, 2026). Situasi ini bukan sahaja mewujudkan jurang dalam pencapaian pelajar, malah turut menyukarkan proses penyelarasan kelayakan bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pendidikan tahfiz perlu diselaraskan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang menekankan pembentukan insan holistik dan bersepadu. FPK menegaskan pendidikan sebagai proses berterusan bagi membangunkan potensi individu secara menyeluruh meliputi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berlandaskan kepercayaan kepada Tuhan. Matlamatnya ialah melahirkan individu berilmu, bertanggungjawab serta berupaya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara (Saiful Rafizan & Mohamad Khairi, 2023). Justeru, ketidakselarasan kurikulum ini bukan sekadar isu teknikal, tetapi merupakan cabaran sistemik yang memberi implikasi terhadap kualiti pendidikan, keseragaman penilaian serta laluan akademik pelajar tahfiz pada peringkat yang lebih tinggi.

Cabaran Pengurusan Kewangan Institusi

Rata-rata institusi pengajian Islam khususnya institusi tahfiz dan pondok mengalami kekangan kewangan dalam pengurusan, hal demikian boleh dikenalpasti dengan mudah melalui pengiklanan di media sosial kini dengan kepelbagaian keperluan dari aspek makan, minum

mahupun infrastruktur. Menurut Yusof (2022), kebanyakan institusi tahfiz swasta tidak memiliki sumber kewangan atau dana bantuan yang tetap, sebaliknya hanya tertumpu kepada pembiayaan sendiri, sedekah, wakaf dan juga yuran (Nurul Huda & Noor Syahidah, 2023). Kelemahan dan kekangan kewangan yang berterusan bukan sahaja menjejaskan sistem pengurusan malah merencatkan kecemerlangan dan penghasilan huffaz yang berkualiti (Ahmad Muaz & Norazmi, 2020).

Selain itu, pengurusan kewangan yang tidak sistematik turut menjejaskan keupayaan institusi untuk mengekalkan operasi jangka panjang serta membangunkan infrastruktur pendidikan yang kondusif. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melaporkan bahawa institusi tahfiz kini berhadapan dengan cabaran terhadap pembangunan infrastruktur, keupayaan pemodenan serta kelangsungan penyediaan keperluan asas seperti penempatan dan bekalan makanan pelajar (Muhammad Ikram & Noornajihan, 2024). Di samping itu, kelemahan dalam sistem kawalan dalaman seperti dokumentasi, pelaporan dan pengurusan wakaf tunai turut menjejaskan kelestarian kewangan institusi (Zainab et al., 2024). Hal ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan bahawa institusi tahfiz perlu memberi tumpuan kepada kebebasan dengan meneroka strategi kelestarian lain, termasuk mempelbagaikan sumber melalui inisiatif keusahawanan (Mira Susanti et al., 2024).

Kesimpulan

Institusi tahfiz swasta akan sentiasa berhadapan dengan rangkaian cabaran yang merangkumi aspek keterbatasan infrastruktur, kelompondan kualiti tenaga pengajar, ketidakselarasan kurikulum serta kekangan kewangan pengurusan. Secara umumnya ianya menjejaskan kualiti pengurusan dan penghasilan pendidikan tahfiz itu sendiri. Ini turut diperakui oleh Shukor Abdullah (2004) menyatakan bahawa bagi mencapai kecemerlangan yang berterusan, sesebuah institusi pendidikan perlu memastikan semua bidang pengurusan, akademik, sahsiah, infrastruktur dan kepimpinan dijalankan dengan baik, bermutu lagi sistematik. Manakala perancangan yang rapi, usaha yang bersepadu dan bersungguh-sungguh serta kerjasama yang baik dari pelbagai pihak akan memperkayakan sistem pengurusan ke arah lebih berkualiti (Ainul Hayat et al., 2021).

Sehubungan itu, peranan pengusaha atau lembaga pengurusan tahfiz swasta menjadi kritikal dalam menyusun, merangka, melaksana strategi pengurusan yang menyeluruh sebelum mewujudkan sesebuah institusi tahfiz swasta. Menurut Apidah Amin (2023), persekitaran pembelajaran merupakan elemen penting dalam membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif serta berkesan. Persekitaran yang kondusif berupaya menyokong keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di samping meningkatkan tahap keberhasilan pelajar (Muhammad Ikram & Noornajihan, 2024). Kelestarian usaha penambahbaikan semestinya bersifat berterusan dan efektif mampu memberi penghasilan huffaz yang berkualiti dan holistik serta seimbang dengan arus semasa.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan.

Penghargaan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada pihak Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) atas penerbitan artikel ini. Penghargaan turut dizahirkan kepada Dr. Ahmad Rozaini Ali Hasan dan Dr. Ahmad Firdaus Mohd Noor (UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar) atas bimbingan ilmiah, serta kepada Amirah Mursyidah Zainalabidin

(Universiti Sultan Azlan Shah) atas sumbangan dalam memperkembangkan penulisan. Penghargaan juga ditujukan kepada para penulis terdahulu yang menjadi rujukan utama dalam memperkukuh asas kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Muaz, O., & Norazmi, A. (2020). Evolusi tadbir urus tahfiz swasta di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 127-133.
- Ainul Hayat, A. R., Fakhri, S., & Zetty Nurzuliana, R. (2021). Cabaran pengurusan sekolah dalam urus tadbir di Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor. *Journal of Management*, 2(2), 174-182.
- Arita Hanim, A., Nurlawati, A. J., Nurul Hamiruddin, S. H., & Siti Suria, S. (2019). Physical learning ecosystem and built environment of tahfiz institutions in Malaysia : A systematic review. *Journal of Architecture, Planning & Constructions Management*, 9(1), 98-103.
- Chau, S. T., & Norfariza, M. R. (2023). Kepimpinan guru besar dan pelaksanaan program transformasi sekolah (TS25) di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(1), 41-54.
- Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. (2021). Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Farah Ilyani, Z., Mohd Aderi, C. N., & Khadijah, A. R. (2018). *Amalan pembelajaran pelajar tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fathiyah, M. F. (2019). Cabaran pembelajaran dan sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan terpilih di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 3(2), 35-45.
- Fatin Husna, Z., & Noornajihan, J. (2023). Kepelbagaian kurikulum Pengajian Tahfiz Swasta Peringkat Menengah di Malaysia. *Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)* (hlm. 110-125). FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi, J. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, (hlm. 1-14). Johor Bahru.
- Ishak, M., Tibek, S.R., Ghani, Z.A., Idrus, M.M., Abdullah, H., Nor, A.H.M., Saad, N.S.M., Darmi, R., Sulaiman Mohamed, A., Gunardi, S., Ja'afar, N., Ismail, N.A., & Ismail, H. (2019). Isu dan cabaran pendidikan pondok dari lensa pegawai jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 384-393.
- Amirrudin, M. S., Abdul Aris, N., Mohd Irsham, M. I., Abdul Rahman, S., & Wan Rashid, W. E. (2025). Innovating integrated reporting for private tahfiz institutions: A capital-based approach. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(12), 3155-3163.
- Ismail, M. F., Mohd Saad, M. F., & Alias, N. (2024). Competency requirements for tahfiz teachers enrolled in tahfiz curriculum in Malaysian teacher education institute. *Journal of Chemical Health Risks*, 14(4), 2043-2051.
- Ismail, M. F., Mohd Saad, M. F., & Alias, N. (2024). The influence of curriculum mastery with teacher competence and elements of tahfiz teachers enrolled in tahfiz curriculum in Malaysian teacher education institute. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 41-52.
- Pangilun, M. T., & Baharudin, H. (2021). Liqa' Maqari': Suatu tinjauan awal terhadap kualiti

- hafazan guru tahfiz al-Quran. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 113–126.
- Ab Arif, M. A., Abdul Hamid, M. F., Suyurno, S. S., & Meerangani, K. A. (2024). Integrated management of private tahfiz centers in Malaysia: Challenges and solutions. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(8), 2471–2478.
- Muhammad Ikram Abdul Latiff & Noornajihan Jaafar. (2024). Institusi tahfiz di Malaysia: Proses perkembangan dan cabaran. *Jurnal Qiraat*, 7(2), 54-63.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Mohd Rashidi Omar & Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). Tahfeez education system in Malaysia, Parental choice and Andalus Islamic Education Heritage: A review. *Asian People Journal*, 4(1), 132-147.
- Nor Azam Abdullah, Zawawi Temyati & Mohd Nor Mamat. (2021). Technology related tahfiz al-Quran learning in Malaysia: A systematic literature review. *Sains Insasi*, 6(3), 47-52.
- Nor Tasik Misba, Azriza Husin & Rosmini Ismail. (2024). Assessing governance practices of Private Tahfiz Institutions in Selangor. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, VIII(XIX), 105-114.
- Nurul Huda Mohammad & Noor Syahidah Mohamad Akhir. (2023). Kepelbagaian pengurusan, potensi dan cabaran Institusi Tahfiz Swasta di Malaysia. *Asian People Journal*, 6(1), 36-52.
- Onn, K. G. (2019). *Kajian integrasi Tahfiz Swasta dan pendidikan arus perdana di Malaysia*. Bahagian Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rohayu Yusop, Radziah Mahmud, Nurshamimi Sabli, Nurul Fatma Aziz & Noorlaila Ghazali. (2024). Insights into financial management practices of tahfiz institutions (TI): A Selangor perspective. *Accounting and Finance Research Sciedu Press*, 12(4), 132-143.
- Saiful Rafizan Jamil & Mohamad Khairi haji Othman. (2023). Assessment and recommendations on the implementation of Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 5(17), 455-466.
- Siti Khadizah Kaimin, Ahmad Yussuf & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. (2021). Masalah dan cabaran guru tahfiz dalam perlaksanaan pengajaran tahfiz model ulul albab Sekolah Menengah di Kementerian Pelajaran Malaysia. *International Conference on Quran as Foundation of Civilization*, 386-387.
- Wan Zuriaty Ismail & Nur Azuki Yusuff. (2026). Pencapaian kurikulum di kalangan pelajar tahfiz di Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta di Kelantan. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 8(29), 1052-1062.
- Zainab Aman, Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi & Nur Suriana Awaludin. (2024). Cash waqf governance practices: Case study in Malaysian Tahfiz Institution. *Journal of Management & Muamalah*, 14(2), 119-130.
- Zainora Daud & Muhammad Arif Musa. (2021). Cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh masa. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 77-88.